

Bidang keselamatan siber S'pura semakin 'matang'

Pakar: Perlu terus pertingkatkan sistem demi tangani serangan siber yang kian runcing

► **NUR HUMAIRA SAJAT**
nhumaira@sph.com.sg

SINGAPURA sudah semakin 'matang' dalam bidang keselamatan siber dan telah menyaksikan kemajuan pesat dalam bidang itu sepanjang lima tahun lalu.

Namun, sebagai negara yang terbuka dan mempunyai kadar kesambungan siber yang tinggi, Singapura akan sentiasa terdedah kepada serangan siber seperti serangan penggodam 'ransomware' yang meruncing dunia sekarang.

Lantaran itulah, setiap pertubuhan dan syarikat – besar mahupun kecil – perlu menjadikan keselamatan siber satu keutamaan.

Demikian ditekankan beberapa pakar keselamatan siber yang dihubungi *Berita Harian* (BH).

Digelar *WannaCry*, virus 'ransomware' itu mula menyerang mesin Microsoft Windows Jumaat lalu.

Sejauh ini ia telah mengunci ratusan ribu komputer di lebih 150 negara dan telah menjejaskan kilang, hospital, kedai dan sekolah serata dunia.

WannaCry disebarkan umumnya menerusi e-mel.

Pensyarah Sekolah Teknologi InfoKom Politeknik Ngee Ann, Encik Mohd Saifulamri Omar, berkata pihak berkuasa Singapura telah menjadikan satu keutamaan mahu memelihara kepentingan negara ini daripada serangan siber.

Negara ini, menurut beliau, mempunyai langkah yang mencukupi untuk memelihara kepentingan keselamatan Singapura.

"Namun, dalam apa juga keadaan keselamatan, sistem pertahanan sentiasa berlumba untuk mengatasi sistem penyerang.

"Justeru, tiada jaminan bahawa kita tidak akan diserang atau terselamat daripada serangan," tegasnya.

Jelas, serangan siber akan mendatangkan kesan yang amat ketara bagi Singapura memandangkan operasi harian negara ini kebanyakannya bergantung kepada teknologi.

Profesor Madya Gao Debin dari Sekolah Sistem Maklumat, Universiti Pengurusan Singapura (SMU), menyatakan Singapura mempunyai banyak khidmat privet dan awam menggunakan sistem digital dan dalam talian.

"Jika jumlah besar sistem komputer Singapura terjejas, banyak data sulit dan rahsia akan dikompromi, dan bisnes harian akan terganggu," tambahnya.

Meskipun akur bahawa pemerintah Singapura terus mempertingkatkan sistem siber seperti inisiatif Negara Bijak di Singapura, Encik Fadli Sidek mengatakan risiko terhadap prasarana sebegitu juga akan menarik perhatian penggodam.

Juruanalisis kecerdasan ancaman siber di Control Risks (Singapura) itu menukil contoh Ukraine di mana penggodam berjaya menyerang grid kuasa yang dipercayai dilakukan pihak berkuasa lain.

"Serangan sebegini boleh memotong pembekalan kuasa buat sementara waktu ke sesebuah kawasan atau negara, dan ini antara risiko bagi pulau kecil kita," katanya.

Disebabkan keruncingan keadaan ini, sebagai sebuah negara, semua pihak perlu mengambil langkah berjaga-jaga dan melakukan persediaan sekiranya negara ini terjejas oleh serangan siber pada masa akan datang.

"Kita tidak boleh bergantung sahaja kepada pertubuhan atau pemerintah untuk mengambil langkah teknikal dalam melindungi sistem komputer. Orang awam juga perlu sentiasa berhati-hati," kata Profesor Madya Gao.

Encik Saifulamri menambah bahawa program meningkatkan kesedaran perlu dianjurkan supaya warga Singapura menjadi pengguna Internet bertanggungjawab.

Pada masa sama, menurut Encik Fadli, kerjasama sektor privet dan awam penting.

"Pertubuhan kedua-dua sektor perlu memainkan peranan mereka dalam memahami risiko dan ancaman, dan terus mengembangkan proses untuk mengurangkannya," katanya.